



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KESAN PROGRAM PERKHEMAHAN TERHADAP MOTIVASI DAN
PENCAPAIAN BAHASA ARAB PELAJAR***

ZAWIYAH BINTI ABDULLAH

FBMK 2015 36



**KESAN PROGRAM PERKHEMAHAN TERHADAP MOTIVASI DAN
PENCAPAIAN BAHASA ARAB PELAJAR**

Oleh

ZAWIYAH BINTI ABDULLAH

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
ijazah Master Sastera.**

Februari 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

KESAN PROGRAM PERKHEMAHAN TERHADAP MOTIVASI DAN PENCAPAIAN BAHASA ARAB PELAJAR

Oleh

ZAWIYAH BINTI ABDULLAH

Februari 2015

Pengerusi : Nik Farhan binti Mustapha, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Motivasi mempunyai impak yang sangat besar terhadap penguasaan bahasa asing sehingga ia dilabel sebagai kunci kejayaan pembelajaran bahasa asing. Namun, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa motivasi pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih berada pada tahap sederhana. Pencapaian bahasa Arab pula berada pada tahap yang tidak memuaskan. Pelbagai pendekatan telah digunakan untuk mengatasi masalah ini. Namun pendekatan ini secara umumnya, lebih berfokus kepada aktiviti dalam bilik darjah. Pendekatan yang berfokus kepada penganjuran aktiviti kokurikulum terutamanya perkhemahan amat kurang sedangkan beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum dapat membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik serta kemahiran bukan akademik yang meliputi keyakinan diri dan motivasi. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap motivasi serta pencapaian bahasa Arab pelajar sebelum dan selepas menyertai program perkhemahan bahasa Arab, membezakan tahap motivasi serta pencapaian bahasa Arab mereka sebelum dan selepas mengikuti program ini dan seterusnya menganalisis hubungan antara konstruk motivasi dengan pencapaian bahasa Arab pelajar selepas mengikuti program ini. Kajian yang berbentuk pra eksperimen ini melibatkan 35 orang pelajar tingkatan tiga dari SMK Jalan Kebun, Shah Alam. Data kajian berkaitan motivasi dikumpul melalui 48 item soal selidik pembelajaran bahasa Arab. Set ujian pra dan pasca pula digunakan untuk mengukur tahap pencapaian bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan program perkhemahan bahasa Arab yang diadakan memberikan impak positif terhadap peningkatan motivasi serta pencapaian bahasa Arab. Oleh itu, program ini khasnya, dan aktiviti kokurikulum yang lain amnya, sangat perlu dilaksanakan di sekolah dalam usaha meningkatkan motivasi dan pencapaian bahasa Arab. Walaupun motivasi pelajar telah pun berada pada tahap yang tinggi sebelum pelaksanaan program berkenaan, ia berjaya ditingkatkan lagi kepada aras yang lebih baik. Pencapaian pelajar yang hanya berada pada tahap sederhana sebelum pelaksanaan program juga menunjukkan peningkatan tetapi masih

tidak dapat dikeluarkan daripada kategori sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa faktor motivasi yang tinggi tidak menjamin kecemerlangan penguasaan bahasa Arab, tetapi hanya mencetus minat pelajar untuk mempelajarinya. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab pelajar dan guru untuk memanipulasi faktor motivasi ini dengan pelbagai strategi dan teknik untuk membawa kepada pencapaian yang cemerlang.



Abstract of thesis presented to the Senate of universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for Master of Arts.

THE EFFECT OF CAMPING ON MOTIVATION AND ACHIEVEMENT IN ARABIC STUDENT

By

ZAWIYAH BINTI ABDULLAH

February 2015

Chairman : Nik Farhan binti Mustapha, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Motivation has a huge impact on foreign language acquisition that it is labeled as the key to the success of foreign language learning. However, studies showed that motivation in learning Arabic in Malaysia still remains at a moderate level. Arabic language achievement is also at an unsatisfactory level. Various approaches had been adopted to address this problem. However these approaches generally focused more on classroom activities. The approach focusing on the organization of co-curricular activities, specifically camping was very limited although some previous studies showed that co-curricular activities could enhance the students' academic performance and non-academic skills which incorporated self-confidence and motivation. Hence, this study aimed to identify the students' level of motivation and achievement in Arabic before and after participating in an Arabic camp program, gauge their level of motivation and achievement in Arabic before and after the program, and analyze the relationship between the constructs of motivation and the students' achievement in Arabic after partaking in the program. This pre-experimental study involved 35 Form Three students from SMK Jalan Kebun, Shah Alam. Data pertaining to motivation were collected via a 48-item Arabic learning questionnaire while pre and posttests were used to measure the level of achievement in Arabic. Findings from the study revealed that the Arabic camp program had significantly engendered a positive impact on motivation and achievement in Arabic. Although the students already possessed high level of motivation prior to the programme implementation, their motivation level had been successfully enhanced. Students' level of achievement which was only moderate prior to the programme implementation showed some improvement though it still remained in the moderate category. This finding indicates that high motivation is not a factor that can guarantee excellence in the mastery of Arabic as it only arouses the students' interest to learn the language.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan rahmat dan inayahNya, tesis ini dapat disiapkan.

Ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah merangkap penyelia saya yang dikasihi, Dr Nik Farhan Mustapha yang telah banyak membimbing dan membantu saya tanpa rasa jemu, sehingga berhasil menyiapkan tesis ini. Begitu juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr Che Radiah Mezah, selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini, atas kesudian memberi tunjuk ajar dan bimbingan bagi memantapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan saya hulurkan kepada semua pensyarah Jabatan Bahasa Asing (bahasa Arab) kerana sentiasa komited dan bersemangat mendidik kami, para pelajar peringkat sarjana. Tidak lupa juga kepada pengetua dan guru-guru bahasa Arab, SMK Jalan Kebun, Shah Alam, yang telah memberi ruang untuk kajian ini dijalankan di sana.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua rakan seperjuangan di Jabatan Bahasa Asing (bahasa Arab) yang banyak membantu dan sentiasa bermurah hati untuk berkongsi pendapat, idea dan pandangan dalam menyiapkan kajian.

Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan juga dipersembahkan kepada emak, abah dan adik beradik yang sentiasa memberi dorongan agar tekun dan sabar menuntut ilmu. Khas buat suami tercinta, Azrulsham Mohd Baharan yang terlalu banyak berkorban masa dan sentiasa memberi galakan serta semangat tanpa jemu, di samping anak-anak yang dikasihi; Mundzir, Syifa', Waeidz, Thaqeif dan Eishqie yang menjadi sumber inspirasi dan menyokong dalam menyiapkan tesis ini.

Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung, sepanjang saya menyempurnakan kajian dan penulisan tesis ini. Hanya Allah yang mampu membalas jasa baik kalian.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera Bahasa Arab. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Radiah bt Mezah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Zawiyah binti Abdullah GS 34117

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

Dr Nik Farhan binti Mustapha

Tandatangan:
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Dr Che Radiah binti Mezah



ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KELULUSAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
JADUAL TRANSLITERASI	xvi
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	6
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Batasan Kajian	11
1.10 Definisi Operasional	12
1.11 Kesimpulan	13
2 TINJAUAN LITERATUR	14
2.1 Pendahuluan	14
2.2 Motivasi	14
2.2.1 Definisi Motivasi secara Umum	15
2.2.2 Definisi Motivasi dari Perspektif Islam	15
2.2.3 Definisi Motivasi dari Sudut Pembelajaran Bahasa Asing	16
2.2.4 Teori-teori Berkaitan Motivasi	17
2.2.5 Isu Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Asing	29
2.3 Kokurikulum	31
2.3.1 Konsep Kokurikulum	31
2.3.2 Perkhemahan	32
2.3.3 Isu Berkaitan Aktiviti Kokurikulum dan Perkhemahan	33
2.4 Bahasa Arab	34
2.4.1 Pentaksiran Bahasa Arab	34
2.4.2 Isu Pencapaian Bahasa Arab	36
2.5 Analisis Kritis	37
2.6 Kesimpulan	38

3	METODOLOGI KAJIAN	39
3.1	Pendahuluan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Sampel Kajian	40
3.4	Instrumen Kajian	41
	3.4.1 Soal Selidik Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab	41
	3.4.2 Ujian Pencapaian Bahasa Arab	43
	3.4.3 Kajian Rintis	45
3.5	Program Perkhemahan Bahasa Arab	46
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	48
3.7	Prosedur Analisis Data	49
	3.7.1 Analisis Deskriptif	49
	3.7.2 Kenormalan Taburan Data	50
	3.7.3 Analisis Inferensi	52
3.8	Kesimpulan	53
4	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	55
4.1	Pendahuluan	55
4.2	Analisis Tahap Motivasi dan Pencapaian BA sebelum dan selepas PPBA	55
	4.2.1 Analisis Tahap Motivasi Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca	55
	4.2.2 Analisis Tahap Motivasi Islam Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca	65
	4.2.3 Analisis Tahap Pencapaian BA Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca	65
	4.2.4 Perbincangan Analisis Tahap Motivasi dan Pencapaian BA sebelum dan selepas PPBA	66
4.3	Analisis Perbezaan Tahap Motivasi dan Pencapaian BA Sebelum dan Selepas PPBA	75
	4.3.1 Analisis Perbezaan Motivasi Intrinsik sebelum dan selepas PPBA	76
	4.3.2 Analisis Perbezaan MIPG sebelum dan selepas PPBA	76
	4.3.3 Analisis Perbezaan MIPC sebelum dan selepas PPBA	77
	4.3.4 Analisis Perbezaan MIR sebelum dan selepas PPBA	78
	4.3.5 Analisis Perbezaan Motivasi Ekstrinsik sebelum dan selepas PPBA	79
	4.3.6 Analisis Perbezaan MEKK sebelum dan selepas PPBA	79
	4.3.7 Analisis Perbezaan MEKI sebelum dan selepas PPBA	80
	4.3.8 Analisis Perbezaan MEKL sebelum dan selepas PPBA	81
	4.3.9 Analisis Perbezaan Ketiadaan Motivasi sebelum dan selepas PPBA	82
	4.3.10 Analisis Perbezaan Keseluruhan Motivasi	82

	sebelum dan selepas PPBA	
4.3.11	Analisis Perbezaan Motivasi Islam sebelum dan selepas PPBA	83
4.3.12	Analisis Perbezaan Pencapaian BA sebelum dan selepas PPBA	84
4.4.13	Perbincangan Analisis Perbezaan Motivasi dan Pencapaian BA sebelum dan selepas PPBA	85
4.4	Analisis Hubungan Motivasi dengan Pencapaian BA selepas PPBA	85
4.4.1	Analisis Hubungan Motivasi Intrinsik dengan Pencapaian BA selepas PPBA	86
4.4.2	Analisis Hubungan Konstruk-konstruk Motivasi Intrinsik dengan Pencapaian BA selepas PPBA	86
4.4.3	Analisis Hubungan Motivasi Ekstrinsik dengan Pencapaian BA selepas PPBA	87
4.4.4	Analisis Hubungan Konstruk-konstruk Motivasi Ekstrinsik dengan Pencapaian BA selepas PPBA	88
4.4.5	Analisis Hubungan Ketiadaan Motivasi dengan Pencapaian BA selepas PPBA	88
4.4.6	Analisis Hubungan Keseluruhan Motivasi dengan Pencapaian BA selepas PPBA	89
4.4.7	Analisis Hubungan Motivasi Islam dengan Pencapaian BA selepas PPBA	90
4.4.8	Perbincangan Analisis Hubungan Motivasi dengan Pencapaian BA selepas PPBA	90
4.5	Kesimpulan	91
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	93
5.1	Pendahuluan	93
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	93
5.2.1	Tahap Motivasi dan Pencapaian BA Pelajar sebelum dan selepas PPBA	93
5.2.2	Perbezaan Tahap Motivasi dan Pencapaian BA Pelajar sebelum dan selepas PPBA	95
5.2.3	Hubungan Motivasi dengan Pencapaian BA pelajar selepas PPBA	97
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	97
5.3.1	Implikasi kepada Pelajar	98
5.3.2	Implikasi kepada Guru	98
5.3.3	Implikasi kepada Pihak Sekolah dan Kementerian Pendidikan	100
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	100
5.5	Kesimpulan	101
	BIBLIOGRAFI	103
	LAMPIRAN	114
	BIODATA PELAJAR	155

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Rumusan Teori Berkaitan Motivasi	28
3.1	Reka Bentuk Kajian	40
3.2	Taburan Item Soal Selidik	41
3.3	Taburan Item Ujian Bahasa Arab	44
3.4	Interpretasi Tahap Skor Min (ITSM) bagi Motivasi	50
3.5	Interpretasi Tahap Skor Min (ITSM) bagi Pencapaian BA	50
3.6	Ujian Normaliti Berdasarkan Pencongan dan Kutosis. (N=35)	51
3.7	Ujian Normaliti Berdasarkan Kolmogorov-Smirnov. (N=35)	51
3.8	Skala Davies (1971) bagi Kekuatan Korelasi antara Dua Pemboleh Ubah	53
4.1	Tahap Motivasi Intrinsik Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	57
4.2	Tahap MIPG Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	58
4.3	Tahap MIPC Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	59
4.4	Tahap MIR Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	59
4.5	Tahap Motivasi Ekstrinsik Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	60
4.6	Tahap MEKK Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	61
4.7	Tahap MEKI Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	62
4.8	Tahap MEKL Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	63
4.9	Tahap Ketiadaan Motivasi Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	64
4.10	Tahap keseluruhan motivasi Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	64
4.11	Tahap Motivasi Islam Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	65
4.12	Tahap pencapaian BA Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca. (N=35)	66
4.13	Perbandingan Tahap Motivasi Intrinsik antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	76
4.14	Perbandingan Tahap MIPG antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	77
4.15	Perbandingan Tahap MIPC antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	78
4.16	Perbandingan Tahap MIR antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	78
4.17	Perbandingan Tahap Motivasi Ekstrinsik antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	79
4.18	Perbandingan Tahap MEKK antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	80

4.19	Perbandingan Tahap MEKI antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	81
4.20	Perbandingan Tahap MEKL antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	81
4.21	Perbandingan Tahap Ketiadaan Motivasi antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	82
4.22	Perbandingan Tahap keseluruhan motivasi antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	83
4.23	Perbandingan Tahap Motivasi Islam antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	84
4.24	Perbandingan Tahap pencapaian BA antara Ujian Pra dengan Pasca. (N=35)	84
4.25	Korelasi antara Motivasi Intrinsik dengan Pencapaian BA (N=35)	86
4.26	Inter Korelasi antara Konstruk-konstruk Motivasi Intrinsik dengan Pencapaian BA. (N=35)	87
4.27	Korelasi antara Motivasi Ekstrinsik dengan Pencapaian BA. (N=35)	87
4.28	Inter Korelasi antara Konstruk-konstruk Motivasi Ekstrinsik dengan Pencapaian BA. (N=35)	88
4.29	Korelasi antara Ketiadaan Motivasi dengan Pencapaian BA. (N=35)	89
4.30	Korelasi antara keseluruhan motivasi dengan Pencapaian BA. (N=35)	89
4.31	Korelasi antara Motivasi Islam dengan Pencapaian BA. (N=35)	90
4.32	Rumusan Analisis dan Dapatan Kajian	92

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	9
2.1	Kontinum Keazaman Kendiri	23
4.1	Carta Aliran Analisis Tahap Motivasi Pra dan Pasca PPBA	56
4.2	Carta Aliran Analisis Tahap Motivasi Intrinsik Pra dan Pasca PPBA	57
4.3	Carta Aliran Analisis Tahap Motivasi Ekstrinsik Pra dan Pasca PPBA	61
4.4	Carta Aliran Perbincangan Analisis Tahap Motivasi & Pencapaian BA	67
4.5	Graf Min Konstruk-konstruk Motivasi sebelum dan selepas PPBA	73
4.6	Graf Min Pencapaian BA sebelum dan selepas PPBA	74
4.7	Carta Aliran Analisis Perbezaan Motivasi & Pencapaian BA Pra dan Pasca PPBA	75

SENARAI SINGKATAN

BA	Bahasa Arab
BBM	Bahan bantu mengajar
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
FPI UKM	Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
ITSM	Interpretasi tahap skor min
j-QAF	Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardu Ain
KAA	Kelas Aliran Agama
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KM	Ketiadaan Motivasi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MEKI	Motivasi Ekstrinsik Kawalan Introjeksi
MEKL	Motivasi Ekstrinsik Kawalan Luar
MEKK	Motivasi Ekstrinsik Kawalan Kenal Pasti
MIPC	Motivasi Intrinsik Pencapaian
MIPG	Motivasi Intrinsik Pengetahuan
MIR	Motivasi Intrinsik Rangsangan
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPBA	program perkhemahan bahasa Arab
SBP	Sekolah berasrama penuh
SMAN	Sekolah menengah agama negeri
SMK	Sekolah menengah kebangsaan
SMKA	Sekolah menengah kebangsaan agama
SP	Sukatan Pelajaran

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ء	,	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	هـ	h
ش	sh	ي	y
ص	s	ة	ṭ
ض	d		
Vokal Pendek		Vokal Panjang	

huruf Arab	Huruf Latin	huruf Arab	Huruf Latin
اَ	a	آ	ā
إِ	i	آي	ī
أُ	u	أُو	ū
Diftong			
أَوْ	aw		
أَي	ay		

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan pengenalan kajian yang dijalankan. Perbincangan tersebut merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, dan kerangka konseptual kajian yang mengaplikasikan model motivasi berasaskan teori Keazaman Kendiri (Deci & Ryan, 1985). Selain itu, bab ini turut menggariskan objektif, persoalan, hipotesis, kepentingan, dan batasan kajian yang dilakukan. Bab ini diakhiri dengan definisi beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab dalam konteks pendidikan di Malaysia diklasifikasikan sebagai bahasa asing sebaris dengan bahasa Jepun, Jerman, dan Perancis (Akta Pendidikan 1996). Bahasa asing pula adalah satu perkataan yang merujuk kepada satu bahasa bukan bahasa ibunda, bukan bahasa kebangsaan, dan bukan juga bahasa rasmi di sesebuah negara. Ia biasanya dipelajari untuk tujuan komunikasi dengan penutur jati bahasa itu atau untuk membaca bahan-bahan bertulis dalam bahasa berkenaan. Ia juga disebut sebagai bahasa kedua (Norizah, 2005).

Bahasa Arab sebagai bahasa asing bertapak di Malaysia lebih awal daripada bahasa Inggeris. Ia bertapak di Malaysia bersama-sama kemasukan dan penyebaran agama Islam melalui pedagang-pedagang Arab pada awal kurun pertama Hijrah atau kurun ketujuh Masihi (Rosni, 2012a). Ia pula mempunyai status yang sangat istimewa dalam kalangan penganut agama Islam di Malaysia. Hal ini kerana bahasa Arab telah sebatikan dalam jiwa mereka sebagai bahasa ibadat yang digunakan dalam solat, mengaji al-Qur'an, berdoa, berzanji, dan sebagainya. Ia juga merupakan wadah penting untuk memahami dan mendalami ilmu agama melalui pemahaman al-Qur'an, Hadith serta karya-karya warisan ulama Islam yang berbahasa Arab. Oleh itu, semenjak awal kedatangan Islam ke Malaysia, usaha-usaha untuk menguasai bahasa ini telah dilakukan sama ada secara formal di pondok dan sekolah atau pun secara tidak formal di masjid serta surau.

Walaupun bahasa Arab mempunyai status yang istimewa dan usaha untuk menguasainya telah lama bermula, tetapi ia tetap tidak terlepas daripada masalah kesukaran dan kelemahan penguasaan seperti bahasa-bahasa asing

yang lain. Hal ini kerana pemerolehan atau penguasaannya, terikat dengan beberapa faktor seperti motivasi, tempoh masa mempelajarinya, kandungan, gangguan bahasa dan situasi pembelajarannya (Che Radiah, 2006). Gardner (1985) pula menegaskan bahawa motivasi ialah faktor yang paling penting dan menjadi kunci kepada kejayaan penguasaan bahasa kedua.

Dalam konteks pendidikan formal di sekolah dan institusi pengajian tinggi di Malaysia, kajian-kajian lepas yang dijalankan menunjukkan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab hanya berada pada tahap sederhana (Kamarul Shukri et al., 2010). Isu kelemahan penguasaan bahasa Arab oleh penuntutnya pula sentiasa menjadi perdebatan dalam kalangan ahli akademik. Kelemahan ini tidak terbatas kepada penguasaan kemahiran asas bahasa sahaja, tetapi juga merangkumi penguasaan tatabahasa dan perbendaharaan kata. Osman (1993) dalam kajiannya terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang diterima masuk Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (FPI, UKM) mendapati bilangan perbendaharaan kata bahasa Arab yang dimiliki oleh pelajar tersebut adalah sekitar 500 hingga 1000 patah perkataan, sedangkan Sukatan Pelajaran (SP) Bahasa Arab menetapkan sasaran 2000 patah perkataan pada peringkat menengah rendah dan 3000 patah perkataan pada peringkat menengah atas.

Kaedah nahu dan terjemahan yang mendominasi teknik pengajaran dan pembelajaran dikatakan hanya membantu pelajar menguasai tatabahasa Arab dan mengabaikan kemahiran bahasa yang lain (Dahab, 1997). Pengenalan pendekatan komunikatif sebagai teknik pengajaran dan pembelajaran, juga tidak membawa banyak perubahan kepada pencapaian objektif yang digariskan dalam kurikulum bahasa Arab. Hal ini dapat dilihat daripada dapatan kajian yang dilakukan oleh Ismail et.al (2013) terhadap penguasaan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar program j-QAF, apabila mereka mendapati bahawa kemahiran menulis dan membaca masih pada tahap sederhana, manakala kemahiran bertutur pula berada pada tahap lemah.

Menyedari masalah kelemahan penguasaan serta kepentingan motivasi dalam penguasaan bahasa Arab, dewasa ini pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kementerian, sekolah mahupun guru-guru untuk memupuk minat, menambahkan motivasi dan meningkatkan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab. Usaha ini tidak sahaja terhad kepada penambahbaikan buku teks, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta bahan bantu mengajar, tetapi turut dimantapkan dengan penganjuran pelbagai aktiviti kokurikulum seperti perkhemahan, seminar, minggu bahasa Arab, dan Majlis *Ihtifal* sekolah-sekolah Malaysia yang merangkumi aktiviti-aktiviti seperti debat, syarahan, bercerita, nasyid, kuiz, dan pengucapan awam. Penubuhan persatuan bahasa Arab di sekolah pula dititikberatkan sebagai mekanisma untuk meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab. Melalui penyertaan dalam persatuan ini, para pelajar dapat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti

kokurikulum bahasa Arab seperti yang telah disebutkan, dalam kelompok yang lebih kecil di peringkat sekolah masing-masing.

Terdapat segelintir sekolah yang mula mengambil inisiatif mengadakan program perkhemahan bahasa Arab (PPBA) dalam usaha meningkatkan motivasi dan pencapaian bahasa Arab pelajar-pelajar mereka. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI) pula, telah mengeluarkan satu modul PPBA sebagai panduan kepada sekolah-sekolah kementerian untuk menjalankan aktiviti ini. (Bahagian Pendidikan Islam, 2008). Antara objektif yang digariskan dalam modul PPBA ini pula adalah untuk meningkatkan motivasi serta pencapaian pelajar dalam bahasa Arab.

Guru-guru bahasa Arab pula didedahkan dengan pelbagai pendekatan terkini dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) mereka. Mereka bukan sahaja berperanan sebagai fasilitator dalam proses PDP, tetapi mereka juga merupakan motivator. Pengajaran yang menarik, seronok, efektif, dan kreatif pastinya dapat merangsang minat dan motivasi pelajar. Namun bebanan sukatan pelajaran yang banyak, bilangan pelajar yang ramai dan kekangan masa yang singkat, sudah pasti sedikit sebanyak menjejaskan tugas guru sebagai motivator. Kajian Sumaiyah (2011) mendapati ketiadaan amalan pembelajaran koperatif dan aktiviti berpusatkan murid dalam kelas mengurangkan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Oleh itu, kokurikulum seperti perkhemahan bahasa Arab merupakan ruang tambahan untuk menarik minat dan memupuk, mengekalkan serta melindungi motivasi pelajar, seterusnya membantu mereka meningkatkan pencapaian dalam bahasa Arab.

1.3 Pernyataan Masalah

Penyelidikan lepas yang dilakukan oleh pakar motivasi seperti Gardner (1959), Lambert (1959), dan Dornyei (1990) mendapati motivasi sangat penting dalam pembelajaran bahasa asing. Kedua-dua unsur ini amat bergantung antara satu sama lain dan tidak mungkin dipisahkan, bahkan motivasi dilabel sebagai kunci kejayaan pembelajaran bahasa asing (Dornyei, 2003). Ia merupakan satu kuasa yang menentukan sama ada seseorang itu mahu atau tidak untuk berusaha menguasai sesuatu bahasa itu (Mohd Zaki, 2009).

Selain itu, kajian mereka juga menunjukkan bahawa motivasi dapat memberi impak positif kepada pencapaian dan penguasaan bahasa yang dipelajari. Hal ini disebabkan kewujudan korelasi positif yang kuat antara kedua-dua unsur ini (Gardner & Lambert, 1972; Lukmani, 1972; Clement, 1980; Gardner, 1985; Masgoret & Gardner, 2003; Hernandez, 2008; Wang, 2008; Li & Pan, 2009; Oranpattanachai, 2013). Semakin tinggi motivasi pembelajaran bahasa asing seseorang, semakin besar kebarangkaliannya untuk menguasai bahasa

tersebut dengan baik dan begitulah sebaliknya. Oleh itu, perkara tersebut menjadi satu keperluan untuk mencetuskan motivasi dalam diri penuntut bahasa asing, apatah lagi meningkatkannya ke tahap paling tinggi.

Walau bagaimanapun, dalam realiti pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, kajian yang pernah dilakukan mendapati motivasi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar, masih berada pada tahap sederhana (Kamarul Shukri et al. ,2010). Hal ini pastinya menyumbang kepada kelemahan penguasaan bahasa Arab itu sendiri kerana motivasi ialah kunci kejayaan pembelajaran bahasa asing. Justeru tidak hairanlah jika dapatan kajian berkaitan pembelajaran bahasa Arab di semua peringkat pembelajaran di Malaysia menunjukkan penguasaan bahasa Arab masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Objektif kemahiran komunikasi yang ditetapkan dalam kurikulum bahasa Arab juga belum tercapai (Ab.Halim & Mohd Azidan, 2009). Penguasaan empat kemahiran utama yang disasarkan, iaitu mendengar, membaca, menulis, dan bertutur masih berada pada tahap lemah dan sederhana, bukan sahaja diperingkat sekolah, malahan di peringkat pengajian tinggi juga.

Hal ini dapat dilihat dengan jelas daripada hasil kajian Tarmizi (1997) dan Zawawi (2008) yang menunjukkan bahawa tahap kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar SMKA di Malaysia berada pada tahap kritikal. Perkara ini tidak wajar berlaku di sekolah bertaraf SMKA memandangkan SMKA merupakan sekolah yang menghadkan kemasukan pelajar hanya kepada kelompok cemerlang dan tenaga guru yang dibekalkan kepada sekolah ini pula terlatih dan berkebolehan tinggi. Kajian Nik Mohd Rahimi (2006 & 2006) pula memaparkan kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran mendengar bahasa Arab. Pelajar menguasai kemahiran kefahaman mendengar bunyi bahasa arab dengan baik, tetapi mereka gagal menguasai kemahiran kefahaman mendengar makna perkataan apatah lagi teks bahasa Arab. Dari segi kemahiran menulis pula kajian Rosni (2012b) menunjukkan bahawa pelajar institut pengajian tinggi masih tidak mampu menulis karangan bahasa Arab dengan baik. Hal ini tidak menghairankan kerana kajian Nurulasyikin & Nik Mohd Rahimi (2007) memaparkan bahawa masih terdapat pelajar institut pengajian tinggi tidak mampu menulis askara dan kalimah Arab dengan betul. Dapatan-dapatan yang dipaparkan ini menunjukkan dengan jelas bahawa pencapaian bahasa Arab masih berada pada tahap yang membimbangkan dan langkah untuk mengatasinya amat perlu difikirkan.

Sebenarnya, terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunakan oleh guru untuk meningkatkan motivasi, seterusnya pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Ia tidak sahaja terhad kepada pendekatan dalam bilik darjah sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran formal, tetapi boleh juga dilakukan melalui aktiviti kokurikulum luar bilik darjah seperti perkhemahan. Namun kajian menunjukkan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih menggunakan pendekatan berpusatkan guru dan terlalu kurang aktiviti bahasa luar bilik darjah seperti perkhemahan (Rosni, 2012a).

Fenomena ini menggambarkan seolah-olah aktiviti luar bilik darjah tidak penting dan tidak memberi sumbangan positif dalam usaha meningkatkan motivasi dan pencapaian bahasa Arab, sedangkan terdapat kajian yang mencadangkan penganjuran aktiviti kokurikulum berbentuk perkhemahan, sebagai salah satu cara meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar yang dikatakan semakin merosot (Rosni, 2012a; Mohd Bakhir, 2013). Fenomena ini juga dilihat menimbulkan sikap pasif pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Pembelajaran berpusatkan guru dan kekurangan aktiviti menarik membuatkan mereka merasakan bahawa pembelajaran bahasa Arab itu membosankan serta membebankan (Mat Taib Pa & Mohd Rosdi, 2006). Akhirnya, mereka mula hilang minat dan motivasi serta gagal menguasai bahasa Arab dengan baik.

Menyentuh tentang aktiviti kokurikulum pula, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa aktiviti ini dapat membantu mengembangkan kemahiran bukan akademik pelajar seperti inisiatif, motivasi, dan interpersonal yang kompeten sekaligus mendorong perkembangan peribadi pelajar agar bersikap matang, pandai bersosial, dan serba boleh (Marsh & Kleitman, 2002; Hamimi Fadziati et al., 2009). Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab pula, kajian menunjukkan aktiviti kokurikulum secara umum turut membantu peningkatan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan penuntut Institut Pengajian Tinggi (Wan Azura et al., 2007). Namun, kajian ini telalu umum kerana berfokus kepada pelbagai aktiviti ko-kurikulum, apatah lagi kajian yang berfokus kepada aktiviti kokurikulum dalam pembelajaran bahasa Arab terlalu kurang.

Bertitik tolak daripada isu kepentingan motivasi serta impaknya yang sangat besar terhadap penguasaan bahasa asing, tahap motivasi dan pencapaian bahasa Arab di Malaysia yang masih kurang memuaskan dan masalah kekurangan kajian tentang kesan aktiviti kokurikulum terhadap motivasi serta pencapaian bahasa Arab, maka satu kajian perlu dijalankan. Justeru, kajian ini akan memberi fokus kepada persoalan sejauh mana pelaksanaan aktiviti perkhemahan, iaitu salah satu aktiviti kokurikulum, dapat membantu pelajar di peringkat sekolah menengah dalam meningkatkan motivasi seterusnya menambah baik tahap pencapaian bahasa Arab mereka.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- 1.4.1 Mengetahui tahap motivasi serta pencapaian bahasa Arab pelajar, sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

- 1.4.2 Membezakan tahap motivasi serta pencapaian bahasa Arab pelajar, sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.
- 1.4.3 Menganalisis hubungan antara konstruk motivasi dengan pencapaian bahasa Arab pelajar, selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut :

- 1.5.1 Apakah tahap motivasi serta pencapaian bahasa Arab pelajar, sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab?
- 1.5.2 Adakah terdapat perbezaan tahap motivasi serta pencapaian bahasa Arab pelajar, sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab?
- 1.5.3 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara konstruk motivasi dengan pencapaian bahasa Arab pelajar, selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan dan objektif, hipotesis utama kajian ini adalah seperti berikut:

- HA1 Terdapat perbezaan tahap motivasi pelajar sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.
- HA2 Terdapat perbezaan tahap pencapaian bahasa Arab pelajar sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.
- HA3 Terdapat hubungan yang signifikan antara konstruk motivasi dengan pencapaian bahasa Arab pelajar selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

Subhipotesis yang akan diuji pula adalah seperti berikut :

HA1 :

HA1:1 : Terdapat perbezaan tahap Motivasi Intrinsik sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA1:2 : Terdapat perbezaan tahap Motivasi Intrinsik Pengetahuan sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA1:3 : Terdapat perbezaan tahap Motivasi Intrinsik Pencapaian sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA1:4 : Terdapat perbezaan tahap Motivasi Intrinsik Rangsangan sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA1:5 : Terdapat perbezaan tahap Motivasi Ekstrinsik sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA1:6 : Terdapat perbezaan tahap Motivasi Ekstrinsik Kawalan Kenal Pasti sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA1:7 : Terdapat perbezaan tahap Motivasi Ekstrinsik Kawalan Introjeksi sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA1:8 : Terdapat perbezaan tahap Motivasi Ekstrinsik Kawalan Luar sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA1:9 : Terdapat perbezaan tahap Ketiadaan Motivasi sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA1:10 : Terdapat perbezaan tahap keseluruhan motivasi sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA1:11 : Terdapat perbezaan tahap Motivasi Islam sebelum dan selepas mengikuti Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA3 :

HA3:1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara Motivasi Intrinsik dengan pencapaian bahasa Arab selepas Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA3:2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara Motivasi Intrinsik Pengetahuan, Pencapaian dan Rangsangan dengan pencapaian bahasa Arab selepas Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA3:3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara Motivasi Ekstrinsik dengan pencapaian bahasa Arab selepas Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA3:4 : Terdapat hubungan yang signifikan antara Motivasi Ekstrinsik Kawalan Kenal Pasti, Kawalan Introjeksi dan Kawalan Luar dengan pencapaian bahasa Arab selepas Program Perkhemahan Bahasa Arab.


HA3:5 : Terdapat hubungan yang signifikan antara Ketiadaan Motivasi dengan pencapaian bahasa Arab selepas Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA3:6 : Terdapat hubungan yang signifikan antara Keseluruhan Motivasi dengan pencapaian bahasa Arab selepas Program Perkhemahan Bahasa Arab.

HA3:7 : Terdapat hubungan yang signifikan antara Motivasi Islam dengan pencapaian bahasa Arab selepas Program Perkhemahan Bahasa Arab.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dibina untuk melihat saling hubungan antara pemboleh-ubah-ubah supaya bahagian yang ingin difokus dan dinilai boleh dikenal pasti. Menurut Miles dan Huberman (1994), rangka kerja konseptual menerangkan secara grafik atau dalam bentuk naratif, tentang perkara yang akan dikaji dan mengandaikan hubungan yang wujud antaranya. Dengan itu, sesuatu kerangka konsep perlu menjelaskan pemboleh ubah yang harus dikaji dan hubungan yang dijangka wujud antara pemboleh-pemboleh ubah tersebut. Kerangka konsep kajian ini dapat dilihat dalam rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji kesan pemboleh ubah bebas, iaitu program perkhemahan bahasa Arab, terhadap dua pemboleh ubah bersandar, iaitu motivasi pembelajaran bahasa dan pencapaian. Oleh itu, pengkaji memilih satu model motivasi pembelajaran bahasa asing yang dipelopori oleh Noels et al. (2000). Model ini mengaplikasikan teori Keazaman Kendiri (Deci & Ryan, 1985) dalam kajian motivasi pembelajaran bahasa asing.

Teori ini melihat bahawa motivasi dalam diri manusia merupakan satu elemen berbentuk siri berterusan yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain atau disebut kontinum (Deci & Ryan, 1985). Kontinum ini menggabungkan tiga siri penting, iaitu Ketiadaan Motivasi yang terletak di dasar kontinum, Motivasi Ekstrinsik di pertengahan kontinum, dan Motivasi Intrinsik di kemuncak kontinum. Menurut Deci & Ryan (1985) juga, seseorang itu akan berjaya merealisasikan keinginannya dengan mudah tanpa bantuan luar apabila motivasinya berada di puncak kontinum motivasi.

Untuk memperlihatkan perkaitan antara pemboleh ubah bersandar pertama, iaitu motivasi dengan pemboleh ubah bersandar kedua; pencapaian maka pengkaji akan mencari kekuatan hubungan antara kedua-dua unsur ini. Hal ini kerana banyak kajian dan penyelidikan lepas menunjukkan bahawa motivasi mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan unsur pencapaian dalam pembelajaran bahasa asing sehingga ia dilabel sebagai kunci kejayaan pembelajaran bahasa asing (Dornyei, 1990).

1.8 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan yang diharap dapat dimanfaatkan daripada kajian ini ialah seperti berikut :

1.8.1 Kajian lepas berkaitan motivasi pembelajaran bahasa kedua terutamanya bahasa Arab, banyak tertumpu kepada kajian tahap motivasi tersebut serta keberkesanan aktiviti kurikulum dalam meningkatkannya. Manakala kajian yang melihat kesan aktiviti kokurikulum terhadap peningkatannya adalah kurang. Oleh itu, melalui kajian ini, pengkaji cuba mengisi lompong ini dengan melihat kesan PPBA yang merupakan satu bentuk aktiviti kokurikulum dalam meningkatkan motivasi dan pencapaian bahasa Arab.

1.8.2 Kajian ini juga diharap dapat menghasilkan data empirikal berhubung satu bentuk program alternatif, luar bilik darjah yang boleh menaikkan tahap motivasi pelajar bagi meneruskan pembelajaran dalam bahasa Arab, seterusnya membantu meningkatkan pencapaian mereka.

- 1.8.3 Faktor agama merupakan satu faktor penting yang mempengaruhi pelajar-pelajar Islam dalam mempelajari bahasa Arab. Hal ini kerana Islam diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW dalam bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini yang turut mengukur tahap Motivasi Islam dalam kalangan pelajar, diharap dapat memperlihatkan sejauh manakah motivasi ini mendorong mereka untuk mempelajari bahasa Arab serta perbandingannya dengan bentuk-bentuk motivasi yang lain.
- 1.8.4 Dewasa ini, aktiviti kokurikulum, khususnya PPBA amat jarang dianjurkan di sekolah. Penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum bahasa Arab pula tidak menggalakan. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memperlihatkan kepentingan aktiviti sebegini dalam pembelajaran bahasa Arab, seterusnya menggalakkan penganjurannya di sekolah dalam usaha meningkatkan penguasaannya dalam kalangan pelajar.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk pra eksperimen atau disebut sebagai kajian satu kumpulan ujian pra dan pasca (McMillan & Schumacher, 2006). Ia hanya melibatkan 35 orang pelajar tingkatan tiga Kelas Aliran Agama (KAA) yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun, Seksyen 32, Shah Alam yang mengikuti PPBA yang dianjurkan oleh Panitia Bahasa Arab sekolah berkenaan.

Selain itu, kajian ini hanya memberi fokus terhadap perbezaan tahap motivasi dan pencapaian dalam kalangan pelajar, sebelum dan selepas mengikuti PPBA yang dianjurkan. Di samping itu, pengkaji juga akan menganalisis tahap signifikan hubungan antara motivasi dengan pencapaian pelajar selepas mengikuti PPBA.

Instrumen yang digunakan pula terhad kepada soal selidik motivasi pembelajaran bahasa Arab berasaskan teori Keazaman Kendiri (Deci & Ryan, 1985), yang telah diadaptasi daripada soal selidik yang ditadbir oleh Kaseh et al. (2010) dalam kajian mereka serta dua set ujian bertulis bahasa Arab yang digubal berdasarkan sukatan pelajaran dan format peperiksaan yang diguna pakai di peringkat sekolah menengah rendah.

1.10 Definisi Operasional

a) Motivasi

Motivasi ditafsirkan oleh Kamus Dewan (2010) sebagai keinginan yang keras atau pun sangat kuat pada diri individu yang mendorongnya berusaha ataupun melakukan sesuatu dengan tujuan mahu mencapai kejayaan.

Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, motivasi yang dimaksudkan terbatas kepada motivasi pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua mengikut konsep teori Keazaman Kendiri yang dipelopori oleh Deci dan Ryan (1985). Ia merangkumi tiga komponen utama, iaitu Motivasi Intrinsik, Motivasi Ekstrinsik serta Ketiadaan Motivasi.

b) Pencapaian

Pencapaian akademik ialah pencapaian yang diperolehi oleh seseorang dalam peperiksaan atau ujian yang diduduki. Markah yang diperolehi dalam penilaian tersebut dibandingkan dengan sasaran markah yang ditetapkan oleh guru atau individu itu sendiri (Ainon, 2004). Dalam kajian ini, pencapaian merujuk kepada markah yang diperolehi oleh para pelajar yang menjadi sampel kajian dalam dua ujian bahasa Arab yang diduduki sebelum dan selepas aktiviti perkhemahan.

c) Bahasa Arab

Bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran yang diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah melalui Kurikulum Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Bagi peringkat menengah, mata pelajaran ini diperkenalkan secara formal pada tahun 1991 dan diajar mulai tingkatan satu hingga lima di sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), sekolah berasrama penuh (SBP), sekolah menengah agama negeri (SMAN), dan kelas aliran agama (KAA) dengan peruntukan masa enam waktu seminggu.

Dalam kajian ini, bahasa Arab yang dimaksudkan ialah mata pelajaran bahasa Arab yang dipelajari oleh pelajar di peringkat menengah rendah bermula dari tingkatan satu sehingga tingkatan tiga. Skop yang dikaji pula terhad kepada penguasaan kemahiran menulis dalam bentuk menjawab soalan ujian berformatkan peperiksaan bahasa Arab yang diguna pakai di sekolah-sekolah kerajaan daripada tahun 2010 sehingga tahun 2013.

d) Program perkhemahan bahasa Arab (PPBA)

Perkhemahan diertikan dengan sebarang aktiviti luar yang berkehendakkan peserta atau murid menginap sementara di khemah, kabin, dorm, chalet, asrama, dan seumpamanya yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan setanding dengan rumah kediaman biasa (James, 2013). Istilah perkhemahan dalam konteks pendidikan di sekolah biasanya sinonim dengan pasukan pakaian seragam terutamanya Pengakap dan Kadet Remaja Sekolah. Aktiviti sepanjang perkhemahan pula biasanya tertumpu kepada tatacara mendirikan khemah serta aktiviti-aktiviti lasak seperti *jungle tracking*, *flying fox*, berkayak serta latihan ala komando.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, program perkhemahan juga mensyaratkan agar para peserta bermalam di kem sepanjang program berlangsung, namun kebanyakan aktiviti yang dijalankan bukanlah aktiviti lasak tetapi hanyalah berbentuk pengukuhan dan pengayaan bahasa Arab. Antara aktiviti utama yang dijalankan sepanjang perkhemahan ini ialah *ice-breaking*, ceramah motivasi, pengembaraan ilmu, permainan-permainan bahasa, persembahan berkumpulan dan bengkel-bengkel pengukuhan dan pengayaan bahasa Arab. Yang dititik beratkan sepanjang perkhemahan ini ialah penggunaan bahasa Arab sebagai satu-satunya bahasa komunikasi.

1.11 Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ini ingin mengenal pasti kesan pemboleh ubah bebas, iaitu PPBA terhadap dua pemboleh ubah bersandar, iaitu motivasi dan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan tiga KAA, di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun, Seksyen 32, Shah Alam.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Mohamad, & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2009). Keberkesanan Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Jurnal KUIS. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, 2(1) , 17.
- Ab. Alim Abdul Rahim. (2001). *Hubungan antara Tahap Penyertaan Kokurikulum Pelajar, Pencapaian Akademik dan Penghargaan Kendiri*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau pinang.
- Abramson, L. Y., Seligman, M. E., & Teasdale, J. D. (1978). Learned Helplessness in Human: Critique and Reformulation. *Journal of Abnormal Psychology* , Vol.87, No.1, 49-74.
- Ahmad Esa, & Hisham Jamaludin. (2009). Peranan Kokurikulum di Universiti dalam Membentuk Ketrampilan Mahasiswa. *International Conference on Teaching and Learning in Higher Education*.
- Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus, & Noraini Kaprawi. (2004). Peranan Kokurikulum dalam Pembangunan Kemahiran Generik. *Jurnal Sains Sosial : Kolej Universiti un Hussein Onn Bil 1* , 81-94.
- Ahmad Johari Sihes, & Wan Noraini Wan Razab. (2008). Teori Pembelajaran. Dalam A. Yahaya, S. Hashim, & Y. Boon, *Psikologi Pendidikan*. hlm. 266-323. Johor: Penerbit UTM.
- Ainon Mohd. (2011). *11 Teori & Prinsip Motivasi di Tempat Kerja*. Selangor: PTS Professional Publication.
- Ainon Wazir. (2004). *Faktor-faktor Pembelajaran yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Bahasa Arab Komunikasi : Satu kajian Khusus Di SMKA Maahad Hamidiah, Kajang Selangor*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alawneh, S. F. (1999). Human Motivation: An Islamic Perspective. *The American Journal of Islamic Sosial Sciences* , 15(4), 19 – 39.
- Alizi Alias, & Mohamad Zaki Samsudin. (2005). Psychology of Motivation From an Islamic Perspective. *3rd International Seminar on Learning and Motivation*, hlm. 1 – 15.
- Azizah Nordin. (1990). *Mengenal Pasti Masalah-masalah dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum di Tiga Buah Sekolah Menengah di Daerah Gombak*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Babbie, E. (2001). *Practice of Social Research*. Ed. Ke-9, Belmont CA: Wadsworth Thomson Learning.
- Bahagian Pendidikan Islam, K. P. (2008). *Modul Mukhyyam Bahasa Arab PMR*.
- Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum KPM. (2009). *Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: A.G Grafik, Sdn. Bhd.
- Baharom Mohamad, & Iliyas Hashim. (2009). *Bagaimana Memotivasikan Pelajar, Teori, Konsep & Kepentingan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publication.
- Che Radiah Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Kedoktoran Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Chua Yan piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd,
- Chua Yan piaw. (2011). *Asas Statistik Penyelidikan. Buku 2*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd,
- Clement, R. (1980). Ethnicity, Contact and Communicative Competence in a Second Language. Dalam H. Giles, W. P. Robinson & P. M. Smith (pnyt), *Language: Social Psychological Perspectives*. hlm. 147-154. England: Pergamon.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*, Ed. Ke-4. Boston: Pearson
- Dahab, M. I. (1997). *Evaluation of the Arabic Language Integrated Curriculum for Secondary Schools (KBSM)*. Tesis Kedoktoran Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The "What" and "Why" of Goal Pursuits: Human Needs and the Self-Determination of Behavior. *Psychological Inquiry* , 11(4), 227-268.
- Deci, E. L., Vallerand, R. J., Pelletier, L. G., & Ryan, R. M. (1991). Motivation and Education: The Self-Determination Perspective. *Educational Psychologist* , 26(3 & 4), 325-346.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic Motivation and Self-Determination in Human Behavior*. New York: Plenum.

- Dornyei, Z. (2003). Attitudes, Orientations and Motivation in Language Learning: Advances in Theory, Research and Applications. *Language Learning*, 53, 3-32.
- Dornyei, Z., & Otto, I. (1998). A Process Model of L2 Motivation. *Working papers in Applied Linguistics*, hlm. 43-69. Thames Valley University, London.
- Dornyei, Z. (1990). Conceptualizing Motivation in Foreign Language Learning. *Language Learning*, 40, 46-78.
- Ee Ah Meng. (1997). *Psikologi Pendidikan II*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Fadzilla Mustaffa Johari, Fauziah Ahmad, & Parilah Mohd shah. (2007). Sikap dan motivasi pelajar-pelajar tingkatan satu dalam mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (L2): satu kajian kes di Negeri Sembilan. *Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Feng, H. Y., Fan, J. J., & Yang, H. Z. (2013). The relationship of Learning Motivation and Achievement in EFL: Gender as an Intermediate variable. *Educational Research International*, 2(2), 50-58.
- Gardner, R. C. (1985). *Social Psychology and Second Language Learning : the Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. Rowley, M.A.: Newbury House Publisher.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1959). Motivational Variables in Second Language Acquisition. *Canadian Journal of Psychology*, 13, 266-272.
- Gay, L. R., & Arrasian, P. (2000). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. Ed. Ke-6, New Jersey: Prentice Hall .
- Ghavamnia, M., Kassaian, Z., & Dabaghi, A. (2011). The Relationship between Language Learning Strategies, Language Learning Beliefs, Motivation, and Proficiency: A Study of EFL Learners in Iran. *Journal of Language Teaching and Research*, 2 (5), 1156-1161.
- Hamimi Fadziati, Asraf Mohamed Moubark, Afida Ayob, & Muhd Fauzi Aminuddin. (2009). Implikasi Program Pendidikan Luar Terhadap Keyakinan Diri Pelajar. *Kongress Pengajaran dan pembelajaran UKM 2009*, hlm. 317-324.
- Haque, A. (2004). Psychology from Islamic Perspective: Contributions of Early Muslim Scholars and Challenges to Contemporary Muslim Psychologist. *Journal of Religion and Healt*, , 43(4), 357-377.

- Hassan Adnan, & Raja Roslan Raja Abd. Rahman. (2010). Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Fizikal Terhadap Pembangunan Diri Pelajar: Satu Tinjauan. *Journal of Human Capital Development* , 3(2), 119-132.
- Henson, K. T., & Eller, B. F. (1999). *Educational Psychology for Effective Teaching*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company.
- Hernandez, T. A. (2008). Integratif Motivation as a Predictor of Achievement in the Foreign Language Classroom. *Applied Language Learning*, 18, 1-15.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad, & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar program j-QAF. *GEMA Online Journal of Languages Studies* , 13(2), 81-97.
- Jackson, S. L. (2003). *Research Method and Statistic: A Critical Thinking Approach*. USA: Thomson Wadsworth.
- Jamaliah Rani. (2007). *Sikap dan Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab: Hubungannya dengan Pencapaian: Satu Kajian*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James Ang Jit Eng. (2013). *Pengurusan Aktiviti Luar Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Akademia.
- Kamarudin Hj Husin. (1993). *Pedagogi 3 Penggunaan Psikologi dalam bilik darjah*. logman Malaysia Sdn bhd.: Petaling jaya.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Zamri Mahamod. (2010). Hubungan Tahap Motivasi dengan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Terengganu. *Jurnal Teknologi*, 52 , 57-67.
- Kamarul Shukri Mat Teh, & Mohamed Amin Embi. (2009). Korelasi Strategi dengan Motivasi dalam Pembelajaran. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 24(2) , 109-123.
- Kamsani Md. Saad. (2012). *Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian dalam Mata Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah*. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Utara Malaysia.
- Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kaseh Abu Bakar, Nil Farakh Sulaiman, & Zeti Akhtar Muhammad Rafeai. (2010). Self-Determination Theory And Motivational Orientation of Arabic Learners : A principle Component Analysis. *GEMA Online Journal of Language Studies* , 71-86.
- Kemal Adhi Pradana. (2008). *Dinamika Motivasi Mengakhiri Perilaku Merokok pada Mantan Perokok Yang Pernah Mengalami Fase replase*. Tesis Sarjana, Fakultas Psikologi, Universiti Indonesia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1996). *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Khairuzaman Kadir, Suhaila Zailani, Ahmad Khazri Osman, Ummu Hani Hashim & Nur Syazwina Mustapa. (2012). Keberkesanan kem Bahasa Arab dalam Meningkatkan Motivasi dan Keyakinan Pelajar, Prosiding *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab 2012*, hlm.116 -128.
- Kirova, S., Petkovska, B., & Koceva, D. (2012). Investigation of Motivation and anxiety in Macedonia While Learning English as a Second / Foreign Language. *Social and Behavioral Sciences*, 46 , 3447-3481.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning: Experience as The Source of Development*. New Jersey: Prentice Hall.
- Latifah Abdol Latif, Mansor Fadzil, Ramli Bahroom, Wardah Mohamad, & San, N. M. (2011). The Role of Motivation, Attitude, Anxiety and Instrumental Orientation in Influencing Learners' Performance in English as a Second Language in OUM. *Global Learn Asia Pasific 2011 - Global Conference on Learning and Technology*. Australia, Melbourne.
- Lee Shook Mee. (1992). *Pedagogi 3 : Penggunaan Psikologi dalam Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (LPM). (2010). *Format Pentaksiran Bahasa Arab Mulai PMR 2010*.
- Li, P., & Pan, G. (2009). the Relationship between Motivation and Achievement : A Survey of the Study Motivation of English Majors in Qingdao Agricultural University. *English Language Teaching*, 2(1) , 123-128.
- Lightbown, P. M., & Spada, N. (2006). *How Language are Learned*. Oxford: Oxford University Press.
- Lim Chap Sam & Chee Kim Mang. (2010). Kesahan dan Kebolehpercayaan Penyelidikan. Dalam. Noraini Idris (pnyt). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, hlm. 163-177.

- Liu, M. H., & Huang, W. H. (2011). An Exsploration of Foreign Language Anxiety and English Learning Motivation. *Education Research International* , 1-8.
- Lokman Mohd Tahir & Osmayati Othman. (2010). *Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) kepada Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Langkawi*.
- Lukmani, Y. M. (1972). Motivation to Learn and Language Proficiency. *Language Learning*, 22 , 261-273.
- Macaro, E. (2001). *Learning Strategies in Foreign and Second Language Classrooms*. London: Continuum.
- MacIntyre, P. D., MacKinnon, S. P. & Clément, R (2009). **Toward the Development of a Scale to Assess Possible Selves as a Source of Language Learning Motivation**. (pnyt) Dörnyei, Z & Ushioda, E, *Motivation, Language Identity and the L2 Self*, hlm. 193-214. Bristol, UK: Multilingual Matters.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma'rof Redzuan, & Haslinda Abdullah. (2004). *Psikologi*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn Bhd.(Malaysia).
- Marsh, H. W., & Kleitman, S. (2002). Extracurricular School Activities: The Good, The Bad and Nonlinear. *Harvard Educational Review*, 72 , 464-502.
- Marzuki Mohd Yasim, Md Amin Md Taf, Roshdan Ahmad, & Jaffry Zakaria. (2008). Kesan Perkhemahan Luar Terhadap Kesepaduan Kumpulan. *Konvensyen Sukan Antarabangsa Teluk Danga* .
- Masgoret, A. M., & Gardner, R. C. (2003). Attitudes, Motivation and Second Language Learning: A Meta Analysis of Studies Conducted by Gardner and Associates. *Language Learning*, 53(1) , 121-163.
- Maslow, A. H. (1954). *Motivation and Personality*. New York: Harper & Brothers.
- Mat Taip Pa, & Mohd Rosdi. (2006). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (2006). *Research in Education, Evidence - Based Inquiry*. Ed. Ke-6 . USA: Pearson.

- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data Analysis: An Expanded source Book*. Ed. Ke-2, Thousand Oaks: Sage Publication.
- Misnan Jemali. (1999). *Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah Rendah di Perak*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Shatar Sabran. (2005). *Rahsia Kecemerlangan Akademik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Bakhir Abdullah. (2013). Qādāyā 'Ilaj al-Mutakhallifin fi Taallum al-Lughah al-Arabiyyah liGhairi al-Nātiqin biha. *al-Mu'tamar al-'Alami al-Rab'i fi T'alim al-Lughah al-Arabiyyah wa Adābihā li Aghrād Khāsah*, (pp. 73-82). IIUM Press.
- Mohd Firdaus Abdul Salam. (2003). *Sikap dan Motivasi Pembelajaran Bahasa Inggeris serta Implikasinya Terhadap Pencapaian*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri. (2012). *Motivasi Gaya Rasulullah*. Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Mohd Majid Konting. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Percetakan Naz Sdn. Bhd.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof, & Borhan Yusof. (2002). *Kokurikulum, Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd Zaki Ahmad. (2009). *Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama*. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Muhanna M. I. G. (1990). Determinants of Contemporary Islamic Educational Theory Design. *Towards the Construction of a Contemporary Islamic Educational Theory*, hlm. 163-166. Amman, Jordan.
- Najati, M. U. (2001). *Jiwa manusia dalam sorotan Al Quran*. Terj. Ibn Ibrahim. Jakarta: CV. Cendekia Sentra Muslim.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod, & Kamarulzaman Abd.Ghani. (2008). Motivasi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar. *Jurnal Pendidikan* 33, 3-18.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Kamarulzaman Abd.Ghani, & Zawawi Ismail. (2006). Tahap Kemahiran Kefahaman Mendengar Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Agama Negeri. *Jurnal Teknologi*, 45(E) 83-97.

- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2005). *Penilaian Kemahiran Mendengar dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri*. Tesis Dr. Fal Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noels, K. A., Pelletier, L. G., Clement, R., & Vallerand, R. J. (2000). Why Are You learning a Second Languages? Motivational Orientation and Self-Determination Theory. *Language Learning* (50(1)), 57-85.
- Noor Azli Mohamed Masrop, Nor Azan Mat Zin, & Abdul Halim Tamuri. (2010). Rekabentuk Motivasi dalam Perisian Permainan Pembelajaran Jawi bagi Kanak-kanak: Pengintegrasian antara Model Motivasi Barat dan Islam. *Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT*, hlm. 377-385.
- Noor Azyani A.Jalil, & Ahmad Esa. (2012). Kemahiran Menyelesaikan Masalah Menerusi Aktiviti Kokurikulum (Khidmat Masyarakat) dalam Kalangan Pelajar UTHM. *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV kali ke 2*, hlm. 101-112.
- Norizah Ardi. (2005). *Sikap Terhadap Bahasa Melayu dan Penggunaannya di Kalangan Pelajar Universiti di Selatan Thailand*. Tesis Kedoktoran Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Norizan Esa, Nordin Abd. Razak & Mohd Ali Samsudin. (2010). Analisis Data Kuantitatif. Dalam. Noraini Idris (pnyt). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, hlm. 461-486.
- Nunan, D. (1999). *Second Language Teaching and Learning*. Massachusetts: Heinie & Heinie Publishers.
- Nurulasyikin Muda, & Nik Mohd Rahimi. (2007). Isu Kemahiran Menulis Arab Dalam Kalangan Pelajar Peringkat Permulaan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga: Dasar dan Pelaksanaan*, hlm. 577-581.
- Othman Talib. (2012). *Wow Mudahnya statistik: Teknik, Tip dan Trick*. Siri 3. E-Book Siap Tesis Cepat.
- Oranpattanachai, P. (2013). Motivation and English Language Achievement of Thai Undergraduate Students. *Learn Journal : Language Education and Acquisition research Network* , 27-46.
- Osman Khalid. (1993). Pengajian Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi. Dalam Ismail Ab. Rahman, Abdul Aziz @ Ahmad Mohd, & Mohd Yasin Muda, *Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran & Harapan*. hlm. 210-217. Kuala Terengganu: Kolej Agama Sultan Zainal Abidin.

- Oxford, R. L. (1989). *Languages Learning Strategies: What every teacher should know*. New York: Amazon.com Barnes & Noble.
- Oxford, R., & Nyikos, M. (1989). Variables Affecting Choice of Language Learning Strategies by University Students. *The Modern Language Journal* , 291-300.
- Ramlah Jantan, & Mahani Razali. (2002). *Psikologi Pendidikan: Pendekatan Kontemporari*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Reeve, J. M., Ryan, R. M., Deci, E. L., & Jang, H. (2007). Understanding and Promoting Autonomous Self-Regulation: A Self-Determination Theory perspective. Dalam D. Schunk, & B. Zimmerman, *Motivation and Self-Regulated Learning, Theory, Research and Applications*. hlm. 223-245. New York: Lawrence Erlbaum Associates.
- Rigby, C. S., Deci, E. L., & patrick, B. C. (1992). Beyond the Intrinsic-Extrinsic Dichotomy: Self-Determination in motivation and Learning. *Motivation and Emotion*. 16(3). 165-185.
- Rohaty Mohd. Majzub. (1992). *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rosni Samah. (2012a). Isu Pembelajaran Bahasa Arab. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*, hlm. 286-300.
- Rosni Samah. (2012b). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *Gema Online Journal of Language Studies* , 555-569.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000a). Self-Determination Theory and the Facilitation of Intrinsic Motivation, Social Development and Well-Being. *American Psychologist* , 55 (1), 68-78.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000b). Intrinsic and Extrinsic Motivation: Classic Definitions and New Directions. *contemporary Educational Psychology* (25), 54-67.
- Ryan, M. R. (1982). Control and Information in the Intrapersonal Sphere: An Extension of Cognitive Evaluation Theory. *Journal of Personality and Sosial Psychology* , 43, 450-461.
- Santrock, J. W. (2008). *Educational Psychology*. Ed. Ke-3. Boston: McGraw-Hill.
- Sharifah Alwiah Alsagof. (1998). *Psikologi Pendidikan II Psikologi Pembelajaran dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling*. Ed. Ke-3. Selangor: Logman Malaysia Sdn Bhd.

- Sheldon, K. M., & Bettencourt, B. A. (2002). Psychological Need-satisfaction and subjective Well-being within Sosial groups. *British Journal of sosial Psychology* , 41, 25-38.
- Shireena Basree, Norshidah Nordin, Nabilah Abdullah, Ghaziah Mohd Ghazali & Rohaya Abdul Wahab. (2010). Etika Dalam Penyelidikan. Dalam. Noraini Idris (pnyt). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, hlm. 65-86.
- Siti Rahayah Ariffin. (2008). *Inovasi dalam Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Slavin, R. E. (2003). *Educational Psycology: Theory and Practice*. Ed. Ke-7, Boston: Allyn and Bacon.
- Sumaiyah Sulaiman, Normah Mohd Ariff, Jamaliah Rani, Nurul Huda Hasan, & Sabri Ahmad Zabidi. (2013). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab guru Pelatih j-QAF Mengikut Persepsi Pensyarah. *Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013 (SKP j-QAF 2013)*. hlm.371-388. Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sumaiyah Sulaiman. (2011). *Amalan Pengajaran Berasaskan Motivasi Guru Bahasa Arab di Kolej Islam Sultan Alam Shah*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tarmizi Ahmad. (1997). *Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab: satu kajian kes di sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Sarjana Bahasa moden, Universiti Malaya.
- The Star. (2013). 18 Oktober. hlm. 18.
- Vallerand, R. J., Pelletier, L. G., Blais, M. R., Briere, N. M., Senecal, C., & Vallieres, E. F. (1992). The Academic Motivation Scale: A Measure of Intrinsic, Extrinsic and Amotivation in education. *Educational and Psychological Measurement*. 52. 1003-1017.
- Van Dalen D.P. (1999). *Memahami Penyelidikan Pendidikan*. Terj. Abdul Fatah Abdul Malik & Mohd Majid konting. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Vasudevan T. Arosoo. (1988). *Kegiatan Ko-Kurikulum: Penyeliaan dan Pentadbiran*. Selangor: Penerbit Fajar bakti Sbn. Bhd .
- Wan Azura Wan Ahmad, Zainur Rijal Abdul Razak, & Wan Moharani Mohammad. (2007). *Peranan Aktiviti Kokurikulum Tambahan berkaitan Bahasa Arab di USIM dalam Meningkatkan Penguasaan Bahasa Pelajar*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Wang, F. X. (2008). Motivation and english Achievement : An Exploratory and Confirmatory factor analysis of a New Measure for Chinese Student of English Learning. *North American Journal of Psychology*, 10(3) , 633 - 646.

Woolfolk, A. E. (1987). *Educational Psychology*. Ed. Ke-3. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.

Zaleha, I., & Hassoubah, A. M. (2008). Motivation and Student Learning. *Jurnal Pendidikan Islam* , 13(1), 81 - 97.

Zawawi Ismail. (2008). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Dr.Fal Fakulti Pendidikan universiti Kebangsaan Malaysia.

